

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PDP 482 - Asas Pendidikan Jasmani & Kaunseling

Masa : [3 jam]

-----  
**ARAHAN**  
-----

1. Jawab **EMPAT** (4) soalan, **SATU** daripada bahagian A dan **TIGA** daripada bahagian B.
2. **Asingkan** jawapan bahagian A daripada bahagian B.

**BAHAGIAN A**  
-----

Jawab **SATU** soalan sahaja dalam Bahagian A

1. Konsep-konsep tujuan utama yang dipelopori oleh Jewett dan Mullan dalam tahun 1977 telah menjadi asas perancangan Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Bincangkan **TIGA** (3) bidang utama:
  - i) Manusia sebagai penentu.
  - ii) Manusia dalam ruang.
  - iii) Manusia dalam alam sosial.

dalam kerangka kurikulum proses tujuan tersebut.

(25 markah)

2. Bincangkan ciri-ciri personaliti dan kepimpinan jurulatih yang unggul.

(25 markah)

...2/-

**Bahagian B**  
-----

3. Apa perlu anda lakukan untuk mewujudkan satu unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Cadangkan satu rancangan tahunan untuk sekolah itu.  
(25 markah)
  
4. Seseorang kaunselor perlu memiliki kemahiran-kemahiran tertentu. Jelaskan tujuan setiap kemahiran itu dan berikan dialog-dialog ringkas tentangnya.  
(25 markah)
  
5. Kenapa perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia didapati kurang berkesan. Bagaimana cara membetulkan keadaan ini?  
(25 markah)
  
6. Di mana letaknya perbezaan antara fahaman psikoanalisis dengan fahaman kemanusiaan? Apakah fahaman anda mengenai tabii manusia (human nature)?  
(25 markah)
  
7. Kaunseling adalah satu tugas yang boleh diserahkan kepada mana-mana guru. Beri komen anda.  
(25 markah)